

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar]**

**SOALAN : Tuan Gooi Hsiao Leung minta  
MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

mengapa Kementerian tidak menjalankan kajian nasional atas serangan 'weedy rice' atau 'padi angin' yang kebal- herbicide di Malaysia yang sedang mengancam pulangan penuaian padi, pendapatan petani dan kemampuan pengeluaran beras masa depan di negara kita.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan melalui MARDI telah melaksanakan penyelidikan padi angin bermula tahun 2003 bagi menghasilkan varieti yang rintang kepada padi angin. Sehingga tahun 2010 varieti MR220 CL1 dan CL2 yang rintang pada padi angin telah diperkenalkan. Selain itu, pesawah juga digalakkan untuk menggunakan teknologi penanaman dengan kaedah jentera menanam (transplanter) atau mencedung yang didapati turut membantu mengurangkan masalah padi angin.

SOALAN NO. 227

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIEW CHIN TONG  
[KLUANG]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah Peruntukan Khas Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen dan jumlah peruntukan Projek Mesra Rakyat yang telah diluluskan dan disalurkan bagi tahun 2013 hingga 2017 dengan pecahan projek/program mengikut kawasan-kawasan Parlimen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri telah menyediakan sejumlah peruntukan untuk semua kawasan Parlimen di seluruh negara.

Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Semua pihak boleh mengemukakan cadangan permohonan dan akan dipertimbangkan berdasarkan keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan Kerajaan serta garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan. Pelaksanaan program/projek di bawah Peruntukan Khas kawasan Parlimen adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri/Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 228****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIEW CHIN TONG  
[KLUANG]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai semua projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Daerah Kluang yang telah dilaksanakan di bawah RMK-10 dan yang telah diluluskan atau masih dalam pertimbangan di bawah RMK-11, bersama dengan maklumat terperinci (tarikh mula, tarikh siap, nilai projek, syarikat terlibat).**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 59 projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam telah dilaksanakan di Daerah Kluang di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 – 2015) melibatkan kos sebanyak RM735 juta. Daripada jumlah tersebut, 49 projek telah siap manakala baki 10 projek dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (2016 – 2017), sebanyak 25 projek telah dilaksanakan melibatkan kos sebanyak RM719.1 juta. Daripada jumlah tersebut, 11 projek telah siap manakala baki 14 projek dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.